

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**CADANGAN MENGAKTIFKAN LALUAN KONTRA DI KM124, LEBUHRAYA
PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT1)**

*Penutupan Jalan, Lencongan Trafik dan Laluan Kontra Di KM124 LPT1
Bagi Kerja-Kerja Projek Tebatan Banjir*

KUALA LUMPUR, 14 OKTOBER – Kerja-kerja menaiktaraf lebuhraya bagi melaksanakan projek tebatan banjir di KM124 LPT1 sedang giat dijalankan oleh kontraktor ANIH Berhad, selaku pengendali lebuhraya berkenaan.

Bagi melancarkan kerja-kerja pembinaan di kawasan tersebut, penutupan jalan di laluan arah timur (hala ke Kuantan) akan dilaksanakan bagi membolehkan kerja – kerja peningkatan aras laluan utama dapat dijalankan. Sementara itu, semua trafik akan dilencangkan untuk menggunakan laluan arah barat (hala ke Kuala Lumpur) dan pelaksanaan aliran kontra akan dibuat sepanjang tempoh tersebut. Penutupan dan lencongan berserta aliran kontra ini akan dilaksanakan bermula pada 16 Oktober 2023 sehingga bulan Mac 2024.

Para pengguna dinasihatkan supaya merancang perjalanan mereka dan mematuhi papan arah yang disediakan di lokasi serta arahan petugas yang bertugas sebagai panduan bagi mengelakkan kekeliruan dan langkah keselamatan. Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran ANIH TV serta saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@llmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia). Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88- 7752.

-TAMAT-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad ialah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang ke Jabor di KM 250.6 Terengganu, LPT memendekkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar utama di sebelah Pantai Timur khususnya Kuantan. Operasi dan penyelenggaraan tol rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diuruskan oleh Kumpulan MTD.

Dikeluarkan Oleh:


Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
communications@mtdgroup.com.my

MAKLUMAN PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA

Bermula 16 Oktober 2023 - 7 Mac 2024



KM 123.55 - KM 124.48 (Arah Timur)



PETUNJUK:



KAWASAN KERJA



JALAN LENCONGAN SEMENTARA
(TIDAL FLOW)

**Sila rancang perjalanan anda jika perlu
& patuhi arahan petugas di lokasi**

#LPTdihati
#KeselesaanTanggungjawabBersama